

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Private Car 365 Plan ini?

Private Car 365 Plan ialah pakej tambahan dengan premium tambahan yang hanya boleh dibeli bersama produk insurans komprehensif kereta persendirian yang ditawarkan oleh kami. Pakej ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada anda, pemandu yang dibenarkan anda dan/atau penumpang akibat kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang disebabkan oleh kejadian kemalangan, ganas, luaran dan dapat dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM89.64** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan **Pelan 1*** berikut:

Private Car 365 Plan pakej anda melindungi:

No	Manfaat-Manfaat	Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan Ezy
1	Kematian akibat kemalangan	RM15,000	RM30,000	RM75,000	RM120,000	RM10,000
2	Hilang upaya kekal	Sehingga RM15,000	Sehingga RM30,000	Sehingga RM75,000	Sehingga RM120,000	Sehingga RM10,000
3	Indemniti berganda semasa cuti umum kebangsaan di Malaysia	RM30,000	RM60,000	RM150,000	RM240,000	Tidak berkenaan
4	Perbelanjaan perubatan, pembedahan pembetulan gigi dan/atau pembedahan kosmetik & yuran ambulans					
	a) Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan	RM1,500	RM2,000	RM3,000	RM4,000	RM1,500
	b) Pembedahan pembetulan gigi dan/atau pembedahan kosmetik					Tidak berkenaan
	c) Yuran ambulans					
5	Pendapatan hospital (setiap hari, sehingga enam puluh (60) hari)	RM30	RM50	RM75	RM100	Tidak berkenaan
6	Elaun pengebumian	RM750				RM500
7	Elaun ihsan banjir	RM1,500				Tidak berkenaan
8	Elaun ehsan bagi kerugian penuh / menyeluruh / kecurian kereta	RM6,000	RM8,000	RM12,000	RM18,000	Tidak berkenaan
9	Perkhidmatan bantuan kerosakan kereta dan perkhidmatan tunda (di dalam Malaysia sahaja)	Perjalanan ulang-alik sehingga 600km	Tiada had jarak			Perjalanan ulang-alik sehingga 150km
10	Perkhidmatan tunda kereta akibat kemalangan (di dalam Malaysia sahaja)	Tidak berkenaan				Tidak berkenaan
11	Bantuan tunda antarabangsa dari sempadan Malaysia	Sehingga 60km				Sehingga 100km
12	Perbelanjaan sewa teksi dan kereta – tiga (3) kejadian setiap tahun polisi	Tidak berkenaan	Teksi – RM60 setiap perjalanan			Teksi – RM60 setiap perjalanan
13	Perbelanjaan penginapan hotel bagi kerosakan kereta di Malaysia (setiap hari) – tiga (3) kejadian setiap tahun polisi		Sewa kereta – RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian			Sewa kereta – Tidak berkenaan
	Perbelanjaan penginapan hotel bagi kerosakan kereta di Malaysia (setiap hari) – tiga (3) kejadian setiap tahun polisi		RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian			Tidak berkenaan
	Perbelanjaan penginapan hotel bagi kerosakan kereta di Republik Singapura (setiap hari) – tiga (3) kejadian setiap tahun polisi		RM150 setiap hari, sehingga RM300 setiap kejadian			Tidak berkenaan
15	Perlindungan ehsan untuk samun dan pecah tingkap	Kerosakan tingkap – RM1,000				RM500
		Kehilangan barangan peribadi/wang tunai – RM500				
16	Perlindungan penjagaan kunci – satu (1) kejadian semasa tempoh insurans	Tidak berkenaan				RM500

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 3833



Layari kami di
www.kurnia.com



Emel kami di
customer@kurnia.com



Imbas kod
QR di atas

No	Manfaat-Manfaat	Pelan 1*	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan Ezy
17	Baki kad kredit tertunggak (disebabkan kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal)	RM300	RM500	RM1,000	RM1,500	Tidak berkenaan
18	Perbelanjaan gantian kereta (RM150 setiap hari) – satu (1) kejadian setiap tahun polisi	Sehingga RM450	Sehingga RM600	Sehingga RM750	Sehingga RM900	Tidak berkenaan
19	Perlindungan pinjaman kereta (disebabkan kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal)	RM5,000				Tidak berkenaan
20	Program bantuan rujukan	Tidak berkenaan	Termasuk			Termasuk untuk manfaat 13
Premium Tahunan (Sebelum Cukai Perkhidmatan)		RM83	RM130	RM230	RM330	RM35

Nota:

- Bagi Pelan 1, 2, 3 dan 4, manfaat-manfaat 1 hingga 6 dan 13 hingga 15 adalah untuk orang yang diinsuranskan, pemandu dibenarkan dan/atau penumpang.
- Bagi Pelan 1, 2, 3 dan 4, manfaat-manfaat 17 dan 19 adalah untuk orang yang diinsuranskan sahaja.
- Bagi Pelan Ezy, manfaat-manfaat 1, 2, 4, 6 and 15 adalah untuk orang yang diinsuranskan dan/atau pemandu dibenarkan sahaja.

Pakej motor anda tidak melindungi*:

- Terpakai untuk manfaat 1, 2, 3, 4, 5 dan 6:
 - mencederakan diri sendiri, tidak siuman, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
 - kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan.
- Terpakai untuk manfaat 9,10 dan 11:
 - perkhidmatan di luar had kawasan yang dinyatakan.
 - kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.

**Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk endorsmen polisi untuk maklumat penuh tentang pengecualian di bawah pakej ini.*

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pakej Private Car 365 Plan Pelan 1 ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Premium Kasar	RM83.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM6.64
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM89.64
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM8.30

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Tiada tambahan duti setem dikenakan dan pakej ini hanya boleh dibeli bersama produk komprehensif kereta persendirian.
D	Penumpang merujuk kepada maksimum empat (4) orang setiap kenderaan. Premium tambahan akan dikenakan untuk penumpang seterusnya.
E	Jika jumlah sebenar penumpang melebihi bilangan penumpang yang dilindungi, had untuk setiap orang akan dikurangkan secara berkadar untuk setiap penumpang. Had ini tidak akan dikenakan kepada pemandu.
F	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: - Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam. - Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan. - Sila muat turun aplikasi Kurnia One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 800 88 3833 untuk bantuan.
G	Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah pakej ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada ekses akan dikenakan.
H	Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan. Private Car 365 Plan hanya boleh dibeli semula semasa pembaharuan produk komprehensif kereta persendirian.
I	Sila rujuk endorsmen Private Car 365 Plan untuk mendapatkan butiran penuh mengenai perlindungan ini.



Bolehkah saya batalkan Private Car 365 Plan saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan Private Car 365 Plan anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium Private Car 365 Plan sekiranya tiada tuntutan telah dibuat.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi motor.